

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR  
BIN MUSA**

**(KETEREH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.03.2016**

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA [**

**KETEREH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah relevan rasionalisasi subsidi yang dijalankan masih relevan setelah GST dilaksanakan dan apakah langkah untuk mengatasi ketirisan melibatkan subsidi yang diterima oleh buruh asing di negara ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan kekal komited dalam melaksanakan langkah konsolidasi fiskal

bagi memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan kekal kukuh dalam jangka masa sederhana dan panjang. Kerajaan telah melaksanakan inisiatif pembaharuan fiskal merangkumi pelaksanaan GST, rasionalisasi subsidi serta mengoptimum dan mengurangkan ketirisan perbelanjaan.

Berhubung dengan rasionalisasi subsidi, ianya masih relevan dan wajar diteruskan walaupun Kerajaan telah melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) sejak April 2015. Ini adalah kerana pelaksanaan rasionalisasi subsidi akan meningkatkan kecekapan perbelanjaan Kerajaan dan mengurangkan pembaziran, di mana langkah tersebut dapat mengalihkan pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi yang bersasar (*well-targetted*), terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Dengan pelaksanaan langkah ini, ketirisan perbelanjaan Kerajaan dapat dikurangkan khususnya melalui pengurangan penyeludupan dan penyelewengan serta penggunaan barangan bersubsidi oleh warga asing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Langkah rasionalisasi subsidi telah memberi penjimatan peruntukan

perbelanjaan Kerajaan yang ketara. Penghapusan subsidi gula pada bulan November 2013 telah dapat menjimatkan perbelanjaan tahunan sebanyak RM300 juta. Penjimatan daripada pelaksanaan sistem pengapungan terkawal (*managed float*) ke atas harga runcit petrol RON95 dan Diesel mulai Disember 2014 pula adalah sebanyak RM11 bilion bagi tahun 2015.

Sebahagian daripada penjimatan tersebut disalurkan semula kepada rakyat secara terus dalam bentuk bantuan tunai, manakala sebahagian lagi digunakan untuk menampung pembiayaan program dan projek pembangunan Kerajaan. Ini termasuk menyediakan peruntukan untuk perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, pembangunan masyarakat di bandar dan luar bandar serta menambah baik sistem pengangkutan awam.

Sementara rasionalisasi subsidi memastikan penjimatan ekoran perbelanjaan yang lebih cekap, pelaksanaan GST pula telah memperluas asas cukai seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum. Kutipan hasil GST bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM27 bilion dan kutipan ini telah membantu Kerajaan untuk mencapai

sasaran defisit fiskal pada paras 3.2% daripada KDNK, walaupun harga minyak mentah dunia telah turun secara mendadak sejak suku keempat tahun 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Adalah jelas bahawa rasionalisasi subsidi masih relevan dan wajar diteruskan walaupun GST telah dilaksanakan bagi memastikan agihan sumber hasil yang lebih efisien dan bersasar seterusnya kedudukan kewangan dan pertumbuhan ekonomi negara kekal kukuh dan mampan. Walau bagaimanapun, langkah tersebut dilaksanakan secara berperingkat dan berhati-hati agar rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah tidak terjejas dengan ketara.